



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Menghilangkan Najis: Perhatikan Cara Yang Betul

(Bahagian Akhir)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Permasalahan Berkaitan

Berikut dibawakan beberapa isu berkaitan najis '*aini*, *hukmi* dan *mutanajjis* menurut pandangan syara'.

1. Tersentuh najis *mughallazhah* dalam keadaan kering

Seorang tersentuh anjing dengan tangannya, padahal tangannya itu kering dan anjing itu kering, maka tiadalah dihukumkan tangannya itu bernajis. Berbeza hukumnya jika salah satu pihak itu yang bersentuhan itu dalam keadaan basah, lalu dia memegang anjing itu, maka tangannya itu terkena najis *mughallazhah*. Oleh yang demikian, wajiblah dia melakukan sertu pada tangannya itu.

2. Tidak yakin sama ada terkena najis atau tidak

Untuk menentukan sesuatu itu najis atau terkena najis, hendaklah dipastikan ada '*ain* (benda) najis itu atau sifatnya yang terdiri daripada bau, warna atau rasa. Jika telah pasti, maka hendaklah dihilangkan '*ain* najis dan sifat-sifatnya. Jika tiada wujud salah satu daripada perkara-perkara tersebut, maka tempat atau benda itu tetaplah suci yakni kembali kepada hukum asal (suci), kecuali ada sesuatu yang menyebabkan kita yakin tempat atau benda itu bernajis seperti najis *hukmi*.

Jika kereta seseorang terlanggar anjing atau khinzir, maka adalah wajib disertai bahagian-bahagian kereta yang diyakini telah dicemari oleh najis *mughallazhah*, jika kereta itu hendak dipakai atau digunakan lagi, kerana menjauhi najis adalah wajib sekalipun di luar sembahyang.

3. Sertu dengan selain tanah

Melakukan sertu dengan menggunakan selain tanah adalah tidak memadai, umpamanya dengan menggunakan sabun dan seumpamanya cecair dan bahan pencuci moden. Ini kerana perintah sertu, iaitu mencuci dengan air mutlak sebanyak 7 kali dan salah satu daripadanya dengan air yang dicampur dengan tanah, adalah merupakan perkara *ta'abbudiy* (semata-mata menurut perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*).

Selain menggunakan tanah bercampur air, ia boleh digantikan dengan air yang keruh seperti air mengalir (seperti air sungai) yang telah bercampur dengan tanah.

4. Perkara *mutanajjis*

Dalam keadaan tertentu, sesuatu bahagian atau tempat yang suci yang terkena dengan najis dan salah satu pihak itu dalam keadaan basah, boleh menjadikan bahagian atau tempat yang suci itu *mutanajjis* (menjadi najis kerana tersentuh dengan najis). Berikut dibawakan beberapa keadaan tersebut sebagai contoh serta penjelasan ringkas mengenainya.

a. Menyentuh benda lain setelah tersentuh anjing

Seseorang yang tersentuh anjing dengan tangannya dalam keadaan basah, maka tangannya itu telah terkena najis *mughallazhah*. Apabila dia memegang sesuatu benda lain dalam keadaan tangannya masih basah (setelah memegang anjing tadi), dan sebelum dia menyucikan tangannya itu, maka benda yang dipegangnya itu juga telah kena najis *mughallazhah*.

b. Menyentuh tangan orang bukan Islam

Persoalan menyentuh, memegang, menjabat dan seumpamanya tangan orang bukan Islam atau orang kafir yang menyentuh daging babi, maka tetaplah tangan orang bukan Islam itu najis secara *hukmi* sehinggalah tangan tersebut dicuci atau disertai sepertimana yang dituntut syara'.

Namun jika tangan orang kafir itu bersih daripada dzat najis *mughallazah* seperti darah atau apa-apa jua daripada babi, atau tidak nampak kesan najis babi itu sekalipun tidak dicuci seperti di atas, maka apa-apa yang disentuh oleh orang kafir itu tidaklah menjadikannya najis.

c. Membersih dengan cara mencelup atau merendam

Cara membersihkan sesuatu seperti pakaian yang terkena najis, selain najis *mughallazah*, adalah dengan mengalirkan atau menjirus dengan air yang menghilangkan dzat dan sifat najis; bau, warna dan rasa. Perbuatan merendam atau mencelup pakaian yang masih mempunyai dzat/jirim najis ke dalam air yang tenang, (tidak mengalir umpama dalam besen, gayung atau baldi) yang **sedikit**, iaitu kurang daripada dua *qullah*, adalah tidak memadai. Hasilnya, bahagian yang terkena najis itu belum dianggap suci, manakala air yang digunakan merendam dan mencelup itu pula berubah menjadi najis (*mutanajjis*).

Selain itu, cara menyertu umpamanya pakaian yang terkena najis *mughallazah*, setelah menghilangkan dzat najis, dengan merendam atau mencelup ke dalam:

- Air keruh (yang telah bercampur tanah) yang tenang (tidak mengalir) dan **banyak**, iaitu lebih daripada dua *qullah*, maka memadai dengan merendam dan menggerakkannya sebanyak tujuh kali.

- Air keruh (yang telah bercampur tanah) yang mengalir, maka memadai dengan cara mengalirkan air padanya sebanyak tujuh kali.

Kadar dua *qullah* ialah:

- Sukatan – lebih kurang 216 liter
- Ukuran isi padu empat segi – 60 x 60 x 60 sentimeter

Sebagai kesimpulan, terdapat perbezaan pada cara membersihkan atau menyucikan tempat atau bahagian yang terkena najis '*aini* dan *hukmi*, sama ada najis *mukhaffafah*, *mutawassithah* dan *mughallazah*. Jika diyakini sesuatu terkena najis *mughallazah* anjing dan babi, cara untuk menyucikannya ialah dengan sertu, iaitu dibasuh dengan 7 kali air *muthlaq* salah satunya dengan air yang bercampur tanah. Manakala selain najis *mughallazah* seperti kencing, tahi, darah, nanah dan selainnya, maka cara membersihkannya ialah dengan menjirus atau mengalirkan air ke atasnya. Namun hendaklah dihilangkan terlebih dahulu dzat najis dan sifatnya, iaitu warna, bau dan rasa. Perlu diingat, bahawa dalam menggunakan air dan tanah ketika sertu, untuk membersihkan najis, hendaklah menggunakan air *muthlaq* dan tanah yang bersih.

Cara membersihkan atau menyucikan yang berbeza-beza ini adalah mengikut perbezaan jenis-jenis najis itu sendiri. Perbezaan ini hendaklah diperhatikan supaya tempat atau bahagian yang terkena najis benar-benar dapat dibersihkan atau disucikan dengan cara yang betul. Jika perkara ini tidak diambil perhatian, maka ia boleh menjejaskan ibadat yang disyaratkan suci daripada najis sebelum dan ketika dilaksanakan. Ini kerana cara menghilangkan najis yang tidak betul, umpamanya dengan menganggap ia sudah bersih kerana telah dibuang '*ain* (dzat) najis walhal sifat-sifat najis masih lagi ada adalah tidak memadai. Walaupun ia sudah bersih tetapi belum lagi suci pada pandangan syara'.